KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
(Ministry of Health Malaysia)
Bahagian Perolehan dan Penswastaan
Aras 4 & 7, Blok E7, Kompleks E, Presint 1
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 PUTRAJAYA

Tel. : 03-8883 2991 / 2975 / 2990 / 3455 /3038
Web : www.moh.gov.my

Ruj. Kami: KKM.100-11/3/187 JILID 16 (52)
Tarikh : 3 Julai 2025

SEPERTI DI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk Dr./ Datuk/ Dato' Dr./ Dato'/ Datin Paduka/ Tuan/ Puan,

PENGEMASKINIAN GARIS PANDUAN PERMOHONAN PERUBAHAN DATA DALAM SISTEM ePEROLEHAN MELALUI eADUAN

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas dan surat Kementerian Kewangan Malaysia no. rujukan MOF.BPK 600-22/10/6 Jld. 3 (19) bertarikh 30 Mei 2025 adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) telah mengemas kini Garis Panduan Permohonan Perubahan Data Dalam Sistem ePerolehan melalui eAduan bagi menggantikan garis panduan yang telah dimuat naik sebelum ini ke Portal ePerolehan bertarikh 8 Februari 2023.

3. Justeru, dimohon kerjasama YBhg. Datuk Dr./ Datuk/ Dato' Dr./ Dato'/ Datin Paduka/ Tuan/ Puan untuk memanjangkan garis panduan ini kepada semua PTJ di bawah seliaan masing-masing dan salinan garis panduan ini juga boleh dimuat turun melalui Portal eP (https://www.eperolehan.gov.my/download-guideline/procedure). Bersama-sama ini dilampirkan surat MOF serta garis panduan untuk rujukan dan tindakan YBhg. Datuk/Dato' Sri/Dato'/Datin Paduka/Dr./Tuan/Puan selanjutnya.

4. Perhatian dan kerjasama YBhg. Datuk Dr./ Datuk/ Dato' Dr./ Dato'/ Datin Paduka/ Tuan/ Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(DATUK MOHD FAUZEE BIN ABD MAJID)
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia

QUALITY SYSTEM SIRIM STANDARDS MALAYSIA ACCREDITED ACB QMS 01
CERTIFIED TO ISO 9001 :2015
CERT. NO : QMS 03659
QUALITY SYSTEM SIRIM IQNET RECOGNIZED CERTIFICATION
CERTIFIED TO ISO 9001 :2015
CERT. NO : QMS 03659

s.k.:

YBhg. Dato' Sri KSU

YBhg. Datuk Dr. KPK

YBhg. Dato' TKSU (K)

YBhg. Datuk TKSU (P)

TSUB (DP)

TSUB (P)

TSUB (S)

SENARAI EDARAN

1. Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)

2. Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)

3. Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan & Sokongan Teknikal)

4. Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Pergigian)

5. Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perkhidmatan Farmasi)

6. Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Keselamatan & Kualiti Makanan)

7. Setiausaha Bahagian Kanan Bahagian Pembangunan

8. Setiausaha Bahagian Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa

9. Setiausaha Bahagian Bahagian Kewangan

10. Setiausaha Bahagian Bahagian Akaun

11. Setiausaha Bahagian
Bahagian Sumber Manusia

12. Setiausaha Bahagian
Bahagian Khidmat Pengurusan

13. Setiausaha Bahagian
Bahagian Pembangunan Kompetensi

14. Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengurusan Maklumat

15. Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengurusan Latihan

16. Ketua Audit Dalam
Cawangan Audit Dalam

17. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor
Tingkat 9,

18. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Perlis

19. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang

20. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Kedah

21. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Perak

22. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan

23. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Melaka

24. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Johor

25. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Pahang

26. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu

27. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan

28. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

29. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sabah

30. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

31. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Labuan

32. Pengarah
Hospital Kuala Lumpur

33. Pengarah
Pusat Darah Negara

34. Pengarah
Institut Kanser Negara

35. Pengarah
Pusat Pergigian Kanak-kanak & Kolej Latihan Pergigian Malaysia

36. Pengurus
Institut Kesihatan Negara (NIH)

KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA
Kompleks Kementerian Kewangan
No. 5, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 03-8000 8000
Faks : 03-8882 3893
03-8882 3894
Laman Web : www.mof.gov.my

Ruj. Kami: MOF.BPK 600-22/10/6 JLD. 3 (19)
Tarikh : 30 Mei 2025

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

YBhg. Datuk Seri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Tuan,

GARIS PANDUAN PERMOHONAN PERUBAHAN DATA DALAM SISTEM ePEROLEHAN MELALUI eADUAN

Dengan segala hormatnya saya mohon perhatian YBhg. Datuk Seri/Dato' Seri/Datuk/ Dato'/tuan berhubung perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Kementerian Kewangan (MoF) telah mengemas kini Garis Panduan Permohonan Perubahan Data Dalam Sistem ePerolehan Melalui eAduan bagi menggantikan garis panduan yang dimuat naik ke Portal ePerolehan bertarikh 8 Februari 2023.

3. Justeru, kerjasama pihak Kementerian adalah dimohon untuk memanjangkan salinan surat ini kepada semua Pusat Tanggungjawab di bawah seliaan Kementerian masing-masing dan memastikan proses permohonan perubahan data dalam Sistem ePerolehan dilaksanakan mengikut garis panduan terkini. Salinan garis panduan ini juga boleh dimuat turun melalui Portal ePerolehan (https://www.eperolehan.gov.my/download-guideline/procedure). Perhatian dan kerjasama pihak Kementerian berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(DATO' HAJAH NORISON BINTI RAMLI)
Bahagian Perolehan Kerajaan
b.p. Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan

s.k.:

1. **YBhg. Tan Sri Dato' Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar**
   Ketua Setiausaha Negara

2. **YBhg. Tan Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz**
   Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

3. **YBhg. Datuk Johan Mahmood Merican**
   Ketua Setiausaha Perbendaharaan

EDARAN DALAMAN (MoF)

1. **YBrs. Tuan Ramzi bin Mansor**
   Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pengurusan)

2. **YBhg. Dato' Anis Rizana binti Mohd Zainudin @ Mohd Zainuddin**
   Ketua Pengarah Kastam
   Jabatan Kastam Diraja Malaysia

3. **YBrs. Sr. Abdul Razak bin Yusak**
   Ketua Pengarah
   Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta

4. **YBrs. Puan Nor Yati binti Ahmad**
   Akauntan Negara
   Jabatan Akauntan Negara

5. **YBrs. Tuan Leonard Wilfred Yussin**
   Pegawai Kewangan Persekutuan
   Perbendaharaan Malaysia Sarawak

6. **YBrs. Tuan Norali @ Ag Norali bin Ag Damit**
   Pegawai Kewangan Persekutuan
   Perbendaharaan Malaysia Sabah

7. **YM Raja Muhammad Azhan Shah bin Raja Muhammad**
   Setiausaha Bahagian Dasar Saraan Dan Pengurusan

EDARAN LUAR

1. **Encik Abdul Halim bin Mohamad**
   Ketua Pegawai Operasi
   Commerce Dot Com Sdn. Bhd.
   Tingkat 2, Bangunan Amtek
   No. 15, Jalan Tandang
   Petaling Jaya
   SELANGOR

GARIS PANDUAN PERMOHONAN PERUBAHAN DATA DALAM SISTEM ePEROLEHAN MELALUI eADUAN

1. PENDAHULUAN

1.1. Garis Panduan ini bertujuan menjelaskan kepada Kementerian/Pusat Tanggungjawab (PTJ) berhubung tindakan yang perlu dilakukan bagi mengemukakan permohonan perubahan data dalam Sistem ePerolehan (eP).

1.2. Perubahan data yang dimohon adalah tertakluk pada perkara berikut:

(i) Perubahan data yang disebabkan oleh kekangan sistem; dan/atau

(ii) Perubahan data yang disebabkan oleh kesilapan/kelemahan pengguna Sistem eP yang tidak diulangi oleh pengguna yang sama atau kesilapan yang sama.

1.3. Permohonan perubahan data hendaklah dikemukakan melalui eAduan Sistem eP menerusi pautan https://www.eperolehan.gov.my (Log Masuk Sistem eP → Klik 'Lain-Lain' → Klik 'eAduan').



2. PROSES PERMOHONAN PERUBAHAN DATA

2.1. Setiap permohonan perubahan data hendaklah disertakan dengan surat rasmi yang ditandatangani oleh Ketua Jabatan dan surat tersebut hendaklah dimuat naik ke dalam eAduan Sistem eP. Alamat Kementerian Kewangan (MoF) pada surat tersebut hendaklah tertera seperti berikut:

Setiausaha Bahagian
Bahagian Perolehan Kerajaan
Kementerian Kewangan Malaysia
Aras 5, Blok Utara
No. 5, Persiaran Perdana, Presint 2
62592 Wilayah Persekutuan Putrajaya
(u.p.: Seksyen Pemantauan, Penyelarasan dan Pendaftaran Sektor Sistem Perolehan dan Pendaftaran)

2.2. Surat rasmi permohonan perubahan data tersebut hendaklah disertakan dengan maklumat berikut:

(i) Nombor rujukan Kes eAduan/No. Sebut harga/Tender (QT)/No. Kontrak (CT) yang berkaitan; dan

(ii) Justifikasi perubahan data yang dimohon.

2.3. Dokumen sokongan permohonan perubahan data seperti berikut hendaklah dikemukakan melalui eAduan Sistem eP:

(i) Paparan skrin Sistem eP (*screenshot* jelas yang boleh dibaca) yang tertera di Kementerian/PTJ;

(ii) Justifikasi yang jelas bagi perubahan data yang dikemukakan setelah membuat semakan dengan Commerce Dot Com Sdn. Bhd. (CDCSB), pegawai penyelaras bagi Kementerian/PTJ atau talian *helpdesk* CDCSB;

(iii) Butiran Diari Pengesanan yang dimuat turun daripada Sistem eP **dan kronologi bagi tarikh yang tiada dalam Butiran Diari Pengesanan Sistem eP**;

(iv) Kelulusan Pengerusi Lembaga Perolehan untuk melanjutkan tempoh sah laku tender **dengan syarat** persetujuan diberikan semasa tempoh sah laku tender masih berkuat kuasa;

(v) Salinan SST yang telah diserahkan kepada pembekal secara manual dan/atau SST yang dijana melalui Sistem eP (jika ada);

(vi) Surat pengesahan daripada pembekal mengenai perubahan skop bekalan/perkhidmatan **dengan syarat** tanpa perubahan harga/tanpa perubahan kuantiti;

(vii) Surat penempatan pegawai di jabatan baharu/surat pegawai bersara;

(viii) Cabutan minit mesyuarat PBM yang meluluskan perubahan kontrak; atau

(ix) Dokumen lain yang berkaitan.

2.4. Permohonan akan diproses dalam tempoh 14 hari bekerja dari tarikh permohonan yang lengkap diterima. Status dan keputusan permohonan akan dimaklumkan kepada Kementerian/PTJ dari semasa ke semasa

melalui eAduan Sistem eP.

2.5. Sekiranya permohonan yang dikemukakan didapati tidak lengkap, Kementerian/PTJ akan dimaklumkan melalui eAduan Sistem eP dan Kementerian/PTJ perlu memastikan kesemua maklum balas/permohonan dilengkapkan dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja melalui eAduan Sistem eP. Sekiranya permohonan yang dicipta masih belum lengkap dalam tempoh yang ditetapkan, permohonan perubahan data akan terbatal secara automatik dan permohonan baharu (nombor kes eAduan baharu) perlu dikemukakan.

2.6. Sebelum mengemukakan permohonan perubahan data melalui eAduan Sistem eP, Kementerian/PTJ **hendaklah menyemak terlebih dahulu kategori/isu dan cadangan penyelesaian** seperti Jadual 1 berikut:

Jadual 1: Isu dan Cadangan Penyelesaian

Bil.	Kategori/Isu	Cadangan Penyelesaian
	MODUL QT	
1.	SST tidak dapat dijana berikutan tempoh sah laku sebut harga/tender telah tamat.	Kementerian/PTJ boleh menggunakan kemudahan menu 'Cipta Surat Setuju Terima' Sistem eP dengan syarat PBM telah memuktamadkan pembekal dalam tempoh sah laku sebut harga/tender masih berkuat kuasa. Kementerian/PTJ hendaklah mengunci masuk/mengemas kini/memohon pindaan keputusan melalui Portal MyGPIS bagi paparan di Portal MYPROCUREMENT.
2.	SST telah ditandatangani oleh pihak Kerajaan dan pembekal dalam tempoh sah laku masih berkuat kuasa tetapi SST tidak dapat dimuat naik dan diserahkan dalam Sistem eP kerana tempoh sah laku perolehan telah tamat.	Kementerian/PTJ boleh mengemukakan permohonan melalui eAduan Sistem eP dengan mengisi Lampiran A bagi menggunakan eKontrak Sistem eP.
3.	Pembekal tersilap menolak SST dalam Sistem eP.	Sekiranya SST manual/*hardcopy* BELUM ditandatangani oleh pihak Kerajaan dan pembekal, Kementerian/PTJ dibenarkan untuk mengunci masuk maklumat perolehan dalam menu 'Cipta Surat Setuju Terima' Sistem eP supaya perolehan

Bil.	Kategori/Isu	Cadangan Penyelesaian
		tersebut dapat diteruskan dalam Sistem eP. Sekiranya SST manual/*hardcopy* TELAH ditandatangani oleh pihak Kerajaan dan pembekal, Kementerian/PTJ hendaklah mengemukakan permohonan melalui eAduan Sistem eP untuk mengunci masuk maklumat SST melalui eKontrak (Lampiran A). Kementerian/PTJ hendaklah mengunci masuk/mengemas kini/memohon pindaan keputusan menerusi Portal MyGPIS bagi paparan di Portal MYPROCUREMENT.
	MODUL CT	
4.	Pindahan kontrak kepada Pentadbir Kontrak yang sebenar.	Pelulus Kontrak di PTJ Penerima Kontrak hendaklah menyemak status Pengurusan Kontrak melalui menu 'Aplikasi Saya' → 'Pengurusan Kontrak' → 'Penyelenggaraan Kontrak'. Seterusnya, masukkan No. Kontrak dan klik butang 'Cari'. Hasil carian akan dipaparkan mengikut kriteria nombor kontrak yang dikunci masuk. Tindakan seperti berikut hendaklah dilaksanakan mengikut status Pengurusan Kontrak iaitu: 1. Pengurusan Kontrak berstatus 'Lengkap'. Pelulus Kontrak boleh melaksanakan pindahan kontrak melalui menu 'Penyelenggaraan Kontrak' kemudian pilih 'Pengurusan Pemilik Kontrak'. Pelulus kontrak hendaklah memilih PTJ baharu selaku Pemilik Kontrak. 2. Pengurusan Kontrak berstatus 'Tidak Lengkap' hendaklah diambil tindakan seperti berikut: i. Pentadbir Kontrak di PTJ Pemilik Kontrak hendaklah melengkapkan

Bil.	Kategori/Isu	Cadangan Penyelesaian
		Maklumat Pemenuhan (termasuk Bon Pelaksanaan) dan membuat Perkongsian Kontrak dengan menambah PTJ Penerima Kontrak di menu sisi 'Agensi' bagi membolehkan PTJ Penerima Kontrak membuat Pesanan Kerajaan dan pembayaran bagi kontrak tersebut. ii. Maklumat Pemenuhan yang telah selesai dikemas kini hendaklah diserahkan kepada Pelulus Kontrak untuk kelulusan. iii. Sekiranya kontrak mempunyai Dokumen Perjanjian, PTJ Pemilik Kontrak hendaklah memuktamadkan Perjanjian dan dimuat naik dalam Sistem eP sebelum diserahkan kepada Pentadbir Kontrak di PTJ Penerima Kontrak. iv. Selepas status Pengurusan Kontrak telah 'Lengkap', maka Pelulus Kontrak boleh membuat pindahan kontrak melalui Menu 'Penyelenggaraan Kontrak' kemudian pilih 'Pengurusan Pemilik Kontrak'.
5.	Kesilapan mengunci masuk maklumat spesifikasi, Jenis Pemenuhan atau nilai kontrak bagi kontrak mesin penyalin.	Mengambil tindakan sewajarnya dengan merujuk Garis Panduan yang berkenaan: 1. "Garis Panduan Perolehan Sewaan Mesin Penyalin Dan Bacaan Meter Di Dalam Sistem ePerolehan (eP)" bertarikh 30 Ogos 2019; atau/dan 2. "Garis Panduan Perolehan Sewaan Mesin Penyalin Dan Bacaan Meter Di Dalam Sistem ePerolehan (eP) – Cadangan Penyelesaian" bertarikh 12 Februari 2020.

Bil.	Kategori/Isu	Cadangan Penyelesaian
6.	Kesilapan mengunci masuk nilai Cukai Jualan Cukai Perkhidmatan (CJCP).	Sekiranya kesilapan hanya pada nilai CJCP sahaja (tidak termasuk kesilapan pada item kontrak), Pentadbir Kontrak boleh mengemas kini/mengubah maklumat nilai CJCP melalui menu 'Pindaan Dengan Kontrak Tambahan' bagi kontrak yang telah berstatus 'Lengkap'. Sekiranya Pengurusan Kontrak belum berstatus lengkap, maklumat CJCP boleh dikemas kini melalui Senarai Tugasan atau menu 'Penyelenggaraan Kontrak' → 'Kemaskini Maklumat Pemenuhan'. Jika harga item kontrak telah termasuk CJCP, PTJ hendaklah mengekalkan harga item tersebut dan memaklumkan kepada pembekal supaya tidak lagi menambah elemen CJCP di peringkat penyediaan Pesanan Penghantaran.
7.	Kesilapan tidak mengunci masuk nilai CJCP.	Pentadbir Kontrak perlu mengira jumlah CJCP dan mengunci masuk pada ruangan 'Amaun Cukai Jualan/Cukai Perkhidmatan (RM)' pada menu sisi 'Butiran Bekalan/Perkhidmatan' → bahagian 'Ringkasan Kontrak'. Sekiranya status Pengurusan Kontrak belum 'Lengkap', Pentadbir Kontrak di Kementerian/PTJ boleh mengemas kini amaun CJCP dalam Sistem eP melalui menu 'Penyelenggaraan Kontrak' → Carian kontrak → Kemaskini Maklumat Pemenuhan ATAU melalui senarai tugasan pada status 'Menunggu Kemaskini Maklumat Pemenuhan' bergantung pada status kontrak tersebut.
8.	Kesilapan mengunci masuk Tarikh Kuat Kuasa/Tamat kontrak.	Sebarang pindaan kontrak termasuk pelanjutan kontrak tidak boleh dibuat melalui perubahan data kerana tertakluk pada Pekeliling Perbendaharaan berkaitan Perolehan Kerajaan (PP/PK) yang berkuat kuasa iaitu PP/PK 4.1 (perenggan pindaan kontrak) dan PP/PK 5.1.

Bil.	Kategori/Isu	Cadangan Penyelesaian
		Sekiranya berlaku kesilapan mengunci masuk tarikh mula/tamat kontrak, Kementerian/PTJ boleh mengambil tindakan berdasarkan senario berikut: 1. **Senario 1**: Tarikh mula/tamat kontrak yang dikunci masuk berbeza tarikh mula/tamat kontrak dalam SST. Permohonan pindaan tarikh mula/tamat kontrak boleh dikemukakan melalui eAduan Sistem eP dengan syarat Pesanan Kerajaan belum dikeluarkan. Sekiranya Pesanan Kerajaan telah dikeluarkan, pembayaran bagi kontrak *One-off* hendaklah diselesaikan melalui Sistem eP. Manakala bagi kontrak bermasa, Pesanan Kerajaan boleh dikeluarkan menerusi Sistem eP selagi kontrak masih berkuat kuasa dalam SST fizikal dan SST dalam Sistem eP. Selain Senario 1 di atas, pembayaran hendaklah diselesaikan melalui iGFMAS secara Invois Tanpa Pesanan Kerajaan setelah mendapat kelulusan Pegawai Pengawal. 2. **Senario 2**: Kesilapan mengunci masuk tarikh mula/tarikh tamat kontrak melalui menu 'Cipta Surat Setuju Terima'. Kementerian/PTJ boleh mengemukakan permohonan untuk mencipta kontrak baharu melalui eKontrak (Lampiran A) dan mengunci masuk semula maklumat SST yang betul. Seterusnya, Kementerian/PTJ hendaklah memohon untuk membatalkan kontrak yang silap tersebut. Senario ini hanya terpakai bagi kontrak yang belum mempunyai Pesanan Kerajaan.

Bil.	Kategori/Isu	Cadangan Penyelesaian
		3. **Senario 3**: Pindaan tarikh 'Tamat Kontrak' yang akan menyebabkan pengurangan kepada 'Tempoh Kontrak' asal. Kementerian/PTJ hendaklah melaksanakan proses penamatan kontrak dalam Sistem eP selepas tempoh kontrak dalam SST telah tamat. 4. **Senario 4**: Kesilapan mengunci masuk tempoh pelanjutan kontrak. Sekiranya pindaan kontrak belum berstatus 'Selesai', Pentadbir Kontrak boleh memohon perubahan data untuk membatalkan proses pindaan kontrak tersebut. Seterusnya Pentadbir Kontrak membuat semula proses pindaan kontrak dengan mengunci masuk maklumat tempoh kontrak yang tepat seperti yang diluluskan oleh PBM. Sekiranya pindaan kontrak telah berstatus 'Selesai', tindakan berikut hendaklah dilaksanakan iaitu: i. Jika tempoh lanjutan kontrak yang dikunci masuk melebihi tempoh yang diluluskan oleh PBM, Pentadbir Kontrak hendaklah memantau penggunaan kontrak untuk tempoh yang diluluskan sahaja bermula dari tarikh mula pelanjutan kontrak. Pentadbir Kontrak boleh mengemas kini penetapan notifikasi dengan menghadkan pengeluaran Pesanan Kerajaan terakhir. ii. Jika tempoh lanjutan kontrak yang dikunci masuk kurang daripada tempoh yang diluluskan, Pesanan Kerajaan perlu dikeluarkan sebelum kontrak tamat dan diteruskan hingga selesai proses bayaran. Manakala bayaran bagi baki kontrak hendaklah

Bil.	Kategori/Isu	Cadangan Penyelesaian
		diselesaikan melalui iGFMAS secara Invois Tanpa Pesanan Kerajaan setelah mendapat kelulusan Pegawai Pengawal. Nilai Bon Pelaksanaan (BP) hendaklah dikekalkan dan PTJ perlu memohon melalui eAduan Sistem eP untuk mengekalkan nilai BP asal dengan mengemukakan nombor kontrak.
9.	Kesilapan memilih 'Jenis Sebut Harga / Tender' bagi perolehan di bawah kategori 'Item Khas / Item Dalam PK 7'.	Kementerian/PTJ boleh memohon untuk membatalkan kontrak melalui eAduan Sistem eP bagi mengunci masuk semula maklumat 'Jenis Sebut Harga / Tender' yang betul melalui eKontrak (Lampiran A), tertakluk Pesanan Kerajaan belum dikeluarkan.
10.	Kesilapan mengunci masuk nama item. Sebagai contoh, TONER CANON TN-265M (MAGENTA) kepada TONER CANON 046H (MAGENTA) - 1252c003	Semasa peringkat penyediaan Pesanan Kerajaan di Modul Pemenuhan Sistem eP, Peminta/Pelulus Pemenuhan boleh memasukkan perihal transaksi termasuk nama item yang betul di ruangan 'Perihal' dan meneruskan proses 'Padanan Bayaran' dalam Sistem eP.
11.	Permohonan pembekal mengenai perubahan item disebabkan produk telah tiada di pasaran/usang/peningkatan versi.	PTJ perlu mendapatkan kelulusan PBM berkaitan terlebih dahulu sebelum mengemukakan permohonan melalui eAduan Sistem eP dengan mengisi eKontrak (Lampiran C), untuk mengunci masuk semula item yang diluluskan oleh PBM. Senario ini hanya terpakai bagi kontrak bernilai melebihi RM20 ribu dan perjanjian berstatus 'Lengkap'.
12.	Kesilapan mengunci masuk harga seunit item.	Kementerian/PTJ hendaklah mengemukakan permohonan melalui eAduan Sistem eP untuk mengunci masuk semula maklumat item dan harga seunit item yang betul seperti SST melalui eKontrak (Lampiran C). Sekiranya terdapat kesilapan harga seunit dalam SST fizikal, agensi perlu mendapatkan kelulusan PBM yang

Bil.	Kategori/Isu	Cadangan Penyelesaian
		berkaitan melalui proses 'Pindaan Dengan Kontrak Tambahan' untuk perubahan harga item. Bagi item perkhidmatan, agensi boleh menggunakan kaedah penyelesaian alternatif iaitu meminda harga seunit item semasa peringkat penyediaan Permintaan Kerajaan (Contract Request - CR) sekiranya harga item seunit yang sebenar kurang daripada harga item seunit di dalam kontrak.
13.	Kesilapan mengunci masuk bilangan kuantiti item.	Perubahan kuantiti akan menyebabkan perubahan ke atas harga kontrak yang telah dikunci masuk dalam Sistem eP. Kementerian/PTJ hendaklah mengemukakan permohonan melalui eAduan Sistem eP untuk mengunci masuk semula maklumat item dan bilangan kuantiti item yang betul seperti dalam SST melalui eKontrak (Lampiran C). Senario ini hanya terpakai bagi kontrak yang bernilai melebihi RM20 ribu dan perjanjian berstatus 'Lengkap'.
14.	Pengurangan skop item dan nilai kontrak yang telah dikunci masuk.	Kementerian/PTJ perlu mendapatkan kelulusan PBM asal terlebih dahulu. Kementerian/PTJ perlu meminda kontrak melalui 'Menu Penyelenggaraan Kontrak' → 'Penggantungan Kontrak' untuk menggantung item yang digugurkan daripada skop kontrak dengan memilih status 'Tidak Aktif' bagi item terlibat. Amaun Kontrak boleh dikurangkan dengan meminda kontrak melalui proses 'Pindaan Dengan Kontrak Tambahan'. Bagi kontrak yang tiada 'Perjanjian', amaun kontrak dikekalkan dan dipantau secara pentadbiran. Skop item yang dikurangkan akan melibatkan penggunaan amaun kontrak yang berkurang secara automatik.
15.	Mewujudkan kontrak dalam Sistem eP bagi perolehan bekalan dan/atau perkhidmatan	Pengeluaran SST hendaklah dibuat melalui menu 'Cipta Surat Setuju Terima' Sistem eP.

Bil.	Kategori/Isu	Cadangan Penyelesaian
	yang dilaksanakan secara Rundingan Terus/Tender Terbuka Pra-kelayakan/*Request for Proposal*.	

2.7. Bagi **kategori/isu perubahan data yang tidak disenaraikan dalam Jadual 1** di atas, pengguna boleh mengemukakan permohonan melalui eAduan Sistem eP. Selain itu, permohonan perubahan data bagi senarai berikut adalah **tidak dibenarkan** dan Kementerian/PTJ hendaklah merujuk Pekeliling Perbendaharaan/peraturan perolehan/garis panduan yang sedang berkuat kuasa:

(i) Mengaktifkan semula sebut harga atau pelanjutan tempoh sah laku sebut harga yang telah tamat;

(ii) Perubahan maklumat SST yang telah disetuju terima oleh pembekal;

(iii) Perubahan Jenis Pemenuhan Bermasa (Berjadual) bagi item/templat perkhidmatan kepada Bermasa (Bila Perlu) atau *One-off* dan sebaliknya;

(iv) Perubahan spesifikasi, kuantiti dan harga item selepas Pelulus Pengiklanan meluluskan iklan; dan

(v) Perubahan kontrak yang telah mempunyai penyelesaian dalam Garis Panduan/Tatacara yang telah dikeluarkan oleh MoF.

2.8. Kementerian/PTJ adalah tertakluk pada tatacara perolehan selaras dengan PP/PK 5.1. Pasukan Petugas Kementerian dan Pasukan Pelaksana Kementerian/PTJ hendaklah memastikan semua PTJ di bawah seliaan Kementerian bertransaksi melalui Sistem eP sepenuhnya. Permohonan yang berkaitan dengan perolehan luar aturan dan pengecualian penggunaan Sistem eP perlu dikemukakan melalui Sistem *Electronic Government Procurement Application* (Sistem eGPA) dan tidak tertakluk pada Garis Panduan ini.

2.9. Kementerian/PTJ hendaklah bertanggungjawab dan memastikan pembekal yang berurusan dengan Kementerian/PTJ mematuhi Panduan Pendaftaran Syarikat bagi melaksanakan perolehan dan perkhidmatan bukan perunding dalam Sistem eP yang boleh dimuat turun di Portal ePerolehan (https://www.eperolehan.gov.my/supplier-registration-guide).

2.10. Pegawai yang menguruskan perolehan adalah bertanggungjawab untuk memastikan setiap data yang dikunci masuk dalam Sistem eP adalah betul dan tepat bagi mengelakkan permohonan perubahan data dikemukakan kepada MoF. Pegawai perlu sentiasa peka dengan peraturan perolehan yang sedang berkuat kuasa dan perlu meningkatkan kemahiran penggunaan Sistem eP dengan mengikuti latihan secara dalam talian melalui ePerolehan *Online Learning* (ePOL) atau latihan berkaitan perolehan Kerajaan yang lain.

2.11. MoF memandang serius kesilapan Kementerian/PTJ yang berlaku semasa proses mengunci masuk maklumat dalam Sistem eP. Kesilapan mengunci masuk akan mengakibatkan kelewatan proses perolehan Kementerian/PTJ. Selain itu, kelewatan pembayaran kepada pembekal dan perkhidmatan yang telah disempurnakan oleh pembekal mempunyai implikasi kewangan ke atas peruntukan kewangan Kementerian/PTJ, integriti data, tempoh masa pelaksanaan perolehan dan teguran audit.

2.12. Perincian carta alir proses permohonan perubahan data adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

3. PENUTUP

3.1. Kementerian/PTJ hendaklah memastikan semua perolehan bekalan dan perkhidmatan dilaksanakan dengan teratur. Proses kunci masuk maklumat ke dalam Sistem eP hendaklah dilakukan dengan betul serta semakan dilaksanakan bagi memastikan tiada masalah yang akan timbul semasa melaksanakan perolehan dan mentadbir kontrak dalam Sistem eP.

3.2. Kementerian/PTJ perlu memastikan Garis Panduan ini dipatuhi sepenuhnya sebelum mengemukakan permohonan perubahan data dalam eAduan Sistem eP.

3.3. Kementerian/PTJ disyorkan mengambil tindakan sewajarnya bagi memastikan perenggan 1.2(ii), iaitu kesilapan/kelemahan pengguna menggunakan Sistem eP, tidak berlaku. Pegawai yang berkenaan disarankan mengikuti latihan penggunaan Sistem eP dan/atau boleh dikenakan tindakan tatatertib sekiranya didapati tidak mematuhi peraturan yang sedang berkuat kuasa.

3.4. Sekiranya Kementerian/PTJ menghadapi sebarang masalah untuk meneruskan transaksi dalam Sistem eP, Kementerian/PTJ boleh merujuk Pegawai Penyelaras Kementerian CDCSB (https://www.eperolehan.gov.my/ministry-coordinator-officer) atau

menghubungi Pusat Khidmat Pelanggan CDCSB (https://www.eperolehan.gov.my/contact-centre). Pertanyaan juga boleh dikemukakan melalui menu eAduan dalam Sistem eP.

3.5. Garis Panduan Permohonan Perubahan Data Dalam Sistem ePerolehan ini **berkuat kuasa mulai 9 JUN 2025 dan surat edaran MoF rujukan: MOF.BPK(S)600-22/10/6 Jld.2 (3) bertarikh 8 Februari 2023 bertajuk "Garis Panduan Permohonan Perubahan Data Di Dalam Sistem ePerolehan" adalah dibatalkan.**

Bahagian Perolehan Kerajaan
Kementerian Kewangan
30 Mei 2025

LAMPIRAN A

CARTA ALIR PROSES
PERMOHONAN PERUBAHAN DATA DI DALAM SISTEM eP MELALUI eADUAN